



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

1 SEPTEMBER 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

1 SEPTEMBER 2021 (RABU)

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

Sindiket penyelewengan barangan bersubsidi menggunakan lori tanah membawa minyak masak peket dari kilang pembungkusan ke stor haram di pangkalan haram Mat Yih, Jeram Perdah, di sini sebelum diseludup ke negara jiran.

Taktik itu terbongkar susulan kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 2,482 kilogram minyak masak peket bersubsidi bernilai RM6,205 di situ kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, serbuan dijalankan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 3 Pengkalan Kubor, Tumpat, dan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 dalam Operasi Membanteras Penyeludupan dan Ketirisan Barang Kawalan Bersubsidi pada jam 5 petang.

Katanya, pasukan risikan mengesan lori tiga tan dari

Taktik baharu guna lori tanah

Sindiket seludup minyak masak peket bersubsidi tumpas



MINYAK masak peket ditemui di belakang lori tanah.



Pemeriksaan lanjut menemui 2,482 kilogram minyak masak peket satu kilogram di belakang lori

Azanizam

Pasir Putih menuju ke sempadan negara iaitu di sebuah pangkalan haram di Pasir Mas sebelum melakukan serbuan ke atas se-

buah stor haram di pangkalan haram Mat Yih pada jam 7 malam.

"Hasil pemeriksaan dilakukan di sekitar kawasan stor menjumpai lori mengangkut tanah yang mencurigakan disyaki digunakan untuk membawa dan penyeludupan minyak masak peket bersubsidi.

"Pemeriksaan lanjut menemui 2,482 kilogram minyak masak peket satu kilogram di belakang lori," katanya.

Azanizam Affendi berkata, pihaknya percaya modus operandi digunakan bergerak dari kilang pembungkusan menggunakan lori mengangkut tanah bagi mengelak aktiviti penyeludupan dikesan dan mengaburi pihak berkuasa.

"Tiada tangkapan dibuat kerana suspek dipercayai melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa," katanya.

Semua barang rampasan dibawa ke Markas Operasi Pasukan Polis Marin untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam perkembangan lain, menerusi Operasi Bersepadu antara Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan bersama Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Pengkalan Kubor kelmarin mematahkan cubaan penyeludupan petrol ke negara jiran.

"Pasukan serbuan mengesan pergerakan sebuah kereta melakukan pemunggahan petrol dari stesen minyak berhampiran sempadan negara yang diisi ke dalam tong.

"Pasukan berjaya menahan kenderaan bernombor pendaftaran Malaysia yang mencurigakan di tepi jalan berhampiran Pengkalan Kubor. Namun pemandu melarikan diri ke dalam semak berhampiran.

"Pemeriksaan menemui 18 tong berisi petrol dengan anggaran 540 liter dalam but kenderaan," katanya.



LORI tanah yang dirampas anggota KPDNHEP di pangkalan haram Mat Yih.

Sindiket guna lori pasir seludup 2.48 tan

RANTAU PANJANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Kelantan mengagalkan cubaan sebuah lori pasir untuk menyeludup keluar minyak paket bersubsidi seberat 2.48 tan di pangkalan haram Mat Yih, Jeram Perdah di sini kelmarin.

Rampasan bernilai RM6,205 kira-kira pukul 7 petang itu adalah hasil kerjasama antara KPDN-HEP Kelantan, Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA).

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, sebelum serbuan dilakukan, pihaknya bersama PPM dan PGA telah mengesan pergerakan pemungahan minyak masak bersubsidi itu menggunakan sebuah lori dari premis pembungkus minyak masak berlesen di Pasir Puteh.

Menurutnya, pasukan penguat kuasa kemudian telah mengekori kenderaan tersebut sehingga ke sebuah stor di kawasan pangkalan haram Mat Yih.

“Semasa serbuan dijalankan, kita telah menemui lori pasir berkenaan dan pemeriksaan lanjut menjumpai sebanyak 2.48 tan minyak masak di bahagian belakang kenderaan itu.

“Ketika pemeriksaan dilakukan, tiada individu atau pemilik stor berada di situ. Kita tidak menolak kemungkinan individu yang berada di premis berkenaan telah melarikan diri apabila menyedari kehadiran anggota penguat kuasa,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azanizam Affendi memberitahu, kesemua barangan rampasan termasuk lori itu dibawa ke Markas Operasi PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut.

minyak masak



PENGUAT kuasa KPDNHEP Kelantan memeriksa lori yang diguna untuk menyeludup minyak masak di Jeram Perdah, Rantau Panjang kelmarin.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	RM6.59	• Telur Gred A	RM12.50	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM8.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM15.90	• Bawang Besar Holland	RM2.80	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.49
	• Daging Lembu Import	RM25	• Minyak Masak	RM6.50	• Bawang Putih	RM6.90	• Tepung Gandum	RM2.25

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Company secretary firms can reopen, subject to SSM nod

KUALA LUMPUR: Company secretary firms are now allowed to operate under Phases One and Two of the National Recovery Plan (NRP), subject to the approval of the Companies Commission of Malaysia (SSM).

SSM said this is following the government's recent announcement to allow professional and consulting services companies to operate during NRP, subject to the approval conditions of the authority regulating the service.

"Following the announcement, the Ministry of International Trade and Industry (Miti) agreed to list company secretary service under the professional

and consulting services, hence, allowing company secretary firms to submit their application to operate to Miti for the purpose of carrying out secretarial services," it said in a statement yesterday.

It said SSM has been given the responsibility as the approving body for operating permission applications submitted by company secretary firms. Therefore, members of professional bodies approved under the Fourth Schedule of the Companies Act 2016 may submit applications for their respective secretarial firms if they intended to commence operations at their respective business premises.

"Application can be made through Covid19 Intelligent Management System (CIMS) operated by Miti at the website <https://notification.miti.gov.my/login>. Guidance on applications has been provided by Miti through the portal <https://www.miti.gov.my/redir/ppn/cims.html>," it said.

It said company secretary firms that obtained approval to operate under Phase One and Two of NRP are advised to comply with the conditions set by Miti and Standard Operating Procedures issued by the National Security Council from time to time to curb the spread of Covid-19. - Bernama